



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24/08/2012

Blog rasmi Anwar digodam, angkara orang dalam parti PKR sendiri?

PERPECAHAN dalam Parti Keadilan Rakyat (PKR) dikatakan semakin parah apabila terdapat pihak tertentu dalam parti itu sendiri yang menggodam blog rasmi Penasihat parti itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim iaitu anwaribrahimblog.com.

Berikutan aktiviti penggodaman itu, satu 'perutusan Aidilfitri palsu' telah dimuatkan dalam laman web itu selama 20 minit bermula pukul 11.50 malam pada 18 Ogos lalu sebelum ia dipadamkan oleh pentadbir blog berkenaan.

Mesej yang diposkan oleh penggodam antara lain berbunyi: "Saya sebenarnya merasa sugul dan berdosa dengan keterlampauan beberapa pihak dalam pasukan kita, di mana dalam usaha kita mengejar kedudukan dan jawatan Perdana Menteri, kita telah jauh pergi hingga memfitnah Datuk Seri Najib dan keluarganya.

"Saya ingin mengajak rakan-rakan saya dan jentera pakatan supaya membuat perubahan dengan menghormati institusi ke-Perdana Menterian yang sekian lama kita warisi. Jawatan Perdana Menteri adalah khas untuk orang Melayu dan Islam sahaja, bukannya untuk bangsa lain.

"Kepada umat Islam di Malaysia, saya turut ingin memohon maaf atas keterlanjuran saya menyokong Israel tempoh hari. Sesungguhnya saya tidak mampu untuk menghalang kehadiran mereka dalam hidup saya, maka dalam keterpaksaan saya perlu mengikuti kemahuan, desakan dan asakan bertubi-tubi mereka."

Pihak pentadbir blog berkenaan dalam satu kenyataan selepas itu, menuduh in-

Kalau benar ia perbuatan cybertroopers UMNO, mengapa dalam banyak isu serta dalam beberapa saat kritikal, laman blog Anwar tidak digodam dan tiada sebarang perutusan palsu yang disiarkan selama ini?

siden berkenaan adalah angkara 'cybertroopers' UMNO yang bertujuan memfitnah Anwar.

Blog My Massa (mymassa.blogspot.com) yang mengulas kejadian itu menyifatkan dakwaan pentadbir blog berkenaan adalah tidak berasas sama sekali.

Katanya, My Massa baru mendapat maklumat daripada rakan kita di dalam PKR sendiri bahawa perutusan khas Anwar itu bukanlah dilakukan oleh orang luar sebaliknya ia dibuat oleh anggota pentadbir dan orang dalam PKR sendiri.

"Ianya asli dan bukan palsu. Perutusan itu kini menjadi kecurigaan besar kepada DAP dan masyarakat bukan Islam di Malaysia yang semakin nampak pembohongan politik Anwar. DAP dan masyarakat bukan Islam kini sudah mengetahui apa yang ada di dalam fikiran Anwar.

"Bagaimana Anwar mahu menjaga keselamatan negara kita jika blog sendiri pun tidak boleh jaga?" katanya.

Blog Keris 7 Lok (keris7lok.blogspot.com) turut mendapat dengan My Massa bahawa penggodaman itu dilakukan oleh kakitangan dalaman PKR.

Katanya, Keris telah membuat panggilan kepada beberapa rakan PKR dan kata

mereka, kecoh juga di kalangan mereka tentang perkara itu dan tuduh menuduh sesama sendiri telah berlaku.

"Buat masa ini mereka mengesyaki seorang Angkatan Muda Keadilan (AMK) yang bertugas dalam Biro Teknologi Maklumat PKR yang hanya dikenali sebagai 'Shah'.

"Ini sebenarnya adalah bukti masalah dalaman PKR yang kian hancur. Dengar cerita Presiden, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail akan mengumumkan pembubaran PKR, namun sedang ditahan oleh Anwar.

"Apapun apabila blog Anwar digodam orang sendiri menunjukkan bahawa kini PKR sangat bermasalah," katanya.

The Flying Kick (theflyingkick.blogspot.com) dalam ulasan bernada sama berkata, hanya individu bodoh sahaja akan percaya laman blog Anwar telah digodam.

Katanya, Anwar cuba menggunakan kesempatan pada Hari Raya Aidilfitri untuk menabur fitnah lagi.

"Amat mudah untuknya menuduh laman blognya digodam oleh cybertroopers UMNO tanpa dia memberikan sebarang bukti meskipun dalam banyak kenyataannya yang lain, dia akan meminta bukti

kalau dia dituduh.

"Sebenarnya pengendali laman blog tersebut yang melakukan sabotaj untuk memalukan Penasihat PKR itu.

"Tidak mustahil juga ia sengaja dilakukan mengikut perancangan Anwar yang sakit hati dengan cybertroopers UMNO yang masih tidak jemu-jemu melondehkan lakonannya yang amat memualkan.

"Justeru untuk menambahkan perisa dan cerita sepanjang cuti Aidilfitri, pasukan Anwar mempersembahkan satu lagi drama yang agak kurang berisiko seperti cerita arsenik, virus HIV, jam Omega, pelacur China mahupun Twitter ke Mekah," katanya.

Aneh, katanya, kalau benar ia perbuatan cybertroopers UMNO, mengapa dalam banyak isu serta dalam beberapa saat kritikal, laman blog Anwar tidak digodam dan tiada sebarang perutusan palsu yang disiarkan selama ini?

"Mengapa ketika berita Anwar kian sepi dan kurang diperkatakan, barulah muncul cerita laman blognya digodam?"

"Tu sahajakah yang mampu dilakukan pasukan pentadbir blog ini yang sudah pening mencari jalan bagi membuatkan orang masuk ke situ dan membaca tulisan Anwar.

"Menjadikan cybertroopers UMNO sebagai kambing hitam tidak akan dapat menyelesaikan masalah kekurangan pelawai di blognya, bahkan semakin menunjukkan bahawa Anwar sudah teramat terdesak!" katanya.

Sementara itu, blog Gelagat Anwar (ge-

lagatanwar.wordpress.com) yang sering mendedahkan rahsia dalaman PKR menyentuh mengenai tiga kali kunjungan veteran DAP terhadap Anwar.

Katanya, veteran DAP menyatakan keperluan untuk Anwar menasihatkan Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng supaya memperbaiki pencapaian dan kaedah memimpin negeri itu.

"Pada mulanya, Anwar tidak mengangap aduan mereka sebagai sesuatu yang serius. Namun, setelah mendengar hujah mereka, Anwar terdiam.

"Antara yang disampaikan oleh warga veteran DAP adalah kesombongan Guan Eng bukan sahaja terhal kepada masyarakat Melayu, malah sudah mula dilakukan kepada masyarakat Cina. Enggan berjumpa dan ringan mulut seperti dahulu.

"Veteran DAP Pulau Pinang tidak berpuas hati dengan pencapaian Guan Eng setakat ini. Probisnes, tetapi tak ambil berat soal rakyat dan terlalu bergantung kepada bajet serta tiada program lain.

"Tidak melayan pihak media dengan adil. Bercakap tentang 'kebebasan' tetapi tidak mahu berkawan baik dengan media.

"Pentadbiran yang semakin lemah, semakin ramai pemikir DAP yang diberhentikan daripada badan pemikir kerajaan negeri dan melayan kalangan orang tertentu sahaja," katanya.

Tambahnya, veteran DAP sudah mula membandingkan Guan Eng dengan bekas Ketua Menteri terdahulu, Tun Dr. Lim Chong Eu yang sangat dihormati mereka kerana tidak berlagak dan sombong.